

HUBUNGAN ANTARA FAKTOR STATUS JAGAAN DAN FAKTOR
PEKERJAAN IBU BAPA ATAU PENJAGA TERHADAP
MASALAH PONTENG DALAM KALANGAN MURID
SEKOLAH RENDAH DI DAERAH
PASIR GUDANG

SANTHIS KUMAR A.L SIVALINGAM

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan)

Sekolah Pendidikan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2021

DEDIKASI

Kajian ini saya dedikasikan kepada penyelia dan kesemua pensyarah Psikologi kerana telah mencurahkan ilmu kepada saya sehingga berjaya menyiapkan kajian ini.

Saya juga dedikasikan kajian ini kepada seluruh keluarga saya yang sentiasa menyokong dan berdoa untuk kejayaan saya.

PENGHAJARAN

Saya ingin mengucapkan rasa kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan limpah kurniaanNya, akhirnya saya berjaya menyiapkan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr Zainudin Bin Abu Bakar, pensyarah penyelia saya yang banyak memberikan tunjuk ajar dan nasihat dalam menyiapkan kajian ini. Selain itu, saya juga ingin berterima kasih kepada pihak sekolah SK Taman Johor Jaya 3, SK Ulu Tiram, SK Permas Jaya, SK Taman Nusa Damai dan SK Taman Scientex kerana memberikan kerjasama kepada saya untuk menjalankan kajian ini terhadap pelajar. Tidak lupa juga kepada responden saya iaitu pelajar darjah satu hingga darjah lima dari lima buah sekolah tersebut kerana sudi untuk memberikan kerjasama untuk menjawab borang soal selidik bagi kajian ini.

Seterusnya, sekalung terima kasih kepada abang saya dan juga seluruh keluarga saya di atas setiap doa dan semangat yang diberikan sepanjang saya menimba ilmu di UTM. Kemudian, ribuan terima kasih juga diucapkan kepada sahabat-sahabat seperjuangan saya di atas tunjuk ajar, sokongan moral, sumbangan idea serta segala jenis bantuan yang diberikan sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

Selanjutnya, saya amatlah menghargai jasa semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan Projek Sarjana ini. Semoga kalian dirahmati oleh Tuhan atas jasa yang diberikan.

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini dijalankan ialah untuk melihat hubungan antara faktor status jagaan dan faktor pekerjaan ibu bapa atau penjaga terhadap masalah ponteng dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah pasir gudang. Kajian ini dijangka mempunyai kepentingan secara terus kepada beberapa aspek dalam pendidikan. Spesifiknya, kajian ini akan membawa impak yang signifikan kepada pengurusan hal ehwal murid sekolah dan pembentukan peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah. Kajian ini adalah satu kajian positivis yang akan menggunakan proses-proses yang sesuai dengan rekabentuk kuantitatif. Kajian ini adalah satu kajian kuantitatif berbentuk deduktif yang bermula daripada penentuan hipotesis dan kesimpulan kajiannya adalah samada penerimaan atau penolakan hipotesis yang telah ditentukan. Kajian ini melibatkan penggunaan instrumen soal selidik yang akan diedarkan kepada sampel kajian yang telah ditetapkan. Seramai 486 responden berjaya mengisi soal selidik secara atas talian. Persepsi pendidikan secara umum ($n=486$) mencatat skor min 1.41 ($SP=.08$) dengan nilai kepencongan $-.198$. Gaya asuhan mencatat skor min 1.29 ($SP=.13$) dengan nilai kepencongan 1.170 . Situasi ponteng yang dihadapi mencatat skor min 1.85 ($SP=.16$) dengan nilai kepencongan -1.578 . Satu ujian Chi-Square telah dijalankan untuk melihat hubungan antara status jagaan dengan masalah ponteng sekolah dan mendapati nilai kekuatan Phi dan Cramer's V, $\chi(1) = 96.999$, $p = .004$, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor keluarga(status jagaan) dengan masalah ponteng sekolah. Satu ujian Chi-Square telah dijalankan untuk melihat hubungan antara pekerjaan ibu bapa atau penjaga dengan masalah ponteng sekolah. Nilai kekuatan Phi dan Cramer's V. Nilai $\chi(1) = 69.928$, $p = .256$, menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara faktor keluarga(pekerjaan ibu bapa atau penjaga) dengan masalah ponteng sekolah. Kajian ini memberikan implikasi yang besar kepada hubungan sekolah dengan masyarakat setempat. Ini kerana pihak sekolah perlu merapatkan diri mereka dengan komuniti untuk mengetahui masalah murid daripada sudut pandangan murid untuk menangani masalah ponteng ini.

ABSTRACT

The main purpose of this study was to look at the relationship between the factors of care status and the factors of parental or guardian employment to the problem of truancy in Pasir Gudang district primary school students. This study is expected to have a direct interest in several aspects of education. Specifically, this study will have a significant impact on the management of school student affairs and the formation of the role of Parents and Teachers Association (PIBG) in schools. This study is a positivist study that will use processes that fit the quantitative design. this study is a deductive quantitative study starting from the determination of the hypothesis and the conclusion of the study is either the acceptance or rejection of the hypothesis that has been determined. This study involves the use of questionnaire instruments that will be distributed to a predetermined study sample. A total of 486 respondents successfully completed the online questionnaire. Education perception in general (n = 486) recorded a mean score of 1.41 (SP = .08) with a deviation value of -.198. The parenting style recorded a mean score of 1.29 (SP = .13) with a divergence value of 1.170. The skipping situation faced a mean score of 1.85 (SP = .16) with a deviation value of -1.578. A Chi-Square test was conducted to look at the relationship between care status and truancy and found that the strength value of Phi and Cramer's V, $\chi^2(1) = 96.999$, $p = .004$, showed a significant relationship between family factors (care status) with the problem of skipping school. A Chi-Square test was conducted to look at the relationship between the job of a parent or guardian and the problem of skipping school. Phi and Cramer's V. Values value Nilai (1) = 69,928, $p = .256$, indicating no significant relationship between family factors (parental or guardian employment) and truancy. this study has great implications for the school's relationship with the local community. This is because the school needs to get closer to the community to know the problems of students from the point of view of students to deal with this problem of truancy.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PEGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	ix
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI SIMBOL	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	5
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Objektif Kajian	11
	1.5 Persoalan Kajian	11
	1.6 Hipotesis Kajian	12
	1.7 Kepentingan Kajian	12
	1.7.1 Pengurusan Hal Ehwal Murid	12
	1.7.2 Peranan PIBG Sekolah	13
	1.8 1.8 Kerangka Teori	14
	1.8.1 Teori Kawalan Sosial	14
	1.8.2 Teori Sub-Budaya Urban	15
	1.9 Kerangka Konseptual	16
	1.10 Batasan Kajian	17
	1.11 Definisi Operasi	18

	1.11.1 Ponteng	18
	1.11.2 Gaya Asuhan	19
	1.12 Kesimpulan	19
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	21
2.1	Pengenalan	21
2.2	Kajian-Kajian Lepas	21
	2.2.1 Kajian mengenai Persepsi Ibu bapa Terhadap Pendidikan	21
	2.2.2 Kajian Lepas mengenai Persepsi Ibu bapa mengenai Kehadiran ke Sekolah.	24
	2.2.3 Kajian Lepas mengenai Situasi Keluarga yang menyebabkan Ponteng	26
	2.2.4 Kajian Lepas mengenai Gaya Asuhan Ibu bapa	29
2.3	Kesimpulan	30
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	31
3.1	Pengenalan	31
3.2	Reka Bentuk Kajian	31
3.3	Lokasi Kajian	33
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	35
3.5	Instrumen Kajian	36
	3.5.1 Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen	38
	3.5.2 Prosedur Kajian	42
3.6	Analisis Data	42
3.7	Kesimpulan	43
BAB 4	ANALISIS DATA	45
4.1	Pengenalan	45
4.2	Analisis Demografi	45
4.3	Mengenalpasti faktor keluarga yang menyebabkan murid ponteng sekolah.	46
	4.3.1 Persepsi terhadap Pendidikan secara umum	46
	4.3.2 Gaya Asuhan	49
4.4	Situasi Ponteng	51

4.5	Pengujian Hipotesis	53
4.6	Kesimpulan	55
BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	57
5.1	Pengenalan	57
5.2	Mengenalpasti faktor keluarga yang menyebabkan murid ponteng sekolah	57
5.2.1	Pengujian Hipotesis: Hubungan yang signifikan antara faktor keluarga (status jagaan) dengan masalah ponteng sekolah	59
5.2.2	Pengujian Hipotesis: Hubungan yang signifikan antara faktor keluarga (pekerjaan ibu bapa atau penjaga) dengan masalah ponteng sekolah	62
5.3	Cadangan Kajian Masa Depan	65
5.4	Implikasi Kajian	65
5.5	Kesimpulan	66
RUJUKAN		67

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Populasi Kajian	35
Jadual 3.2	Bilangan Item mengikut Bahagian Soal Selidik	37
Jadual 3.3	Kekuatan Hubungan Nilai Cronbach Alfa	38
Jadual 3.4	Analisis Cronbach Alfa	39
Jadual 3.5	Statistik Mengikut Item	39
Jadual 3.6	Analisis Kajian	42
Jadual 4.1	Analisis Frekuensi Faktor Demografi	46
Jadual 4.2	Analisis Deskriptif mengikut Item	47
Jadual 4.3	Analisis Deskriptif Keseluruhan Bahagian B	48
Jadual 4.4	Analisis Deskriptif mengikut Item	49
Jadual 4.5	Analisis Deskriptif Keseluruhan Bahagian C	50
Jadual 4.6	Analisis Deskriptif mengikut Item	51
Jadual 4.7	Analisis Deskriptif Keseluruhan Bahagian C	52
Jadual 4.8	Pengujian Chi-Square Hubungan Status Jagaan dengan Masalah Ponteng Sekolah	53
Jadual 4.9	Nilai Kekuatan Phi dan Cramer's V Hubungan Status Jagaan dengan Masalah Ponteng Sekolah	54
Jadual 4.10	Pengujian Chi-Square Hubungan Pekerjaan Ibu Bapa atau Penjaga dengan Masalah Ponteng Sekolah	54
Jadual 4.11	Nilai Kekuatan Phi dan Cramer's V Hubungan Pekerjaan Ibu Bapa atau Penjaga dengan Masalah Ponteng Sekolah	54

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Statistik Salah Laku Disiplin Murid Sekolah 2017	8
Rajah 1.2	Kerangka Konseptual Kajian	17
Rajah 3.1	Lingkaran Penyelidikan Saunders (dalam Sahay,2016)	32
Rajah 3.2	Peta Pasir Gudang (Sumber: Portal Rasmi Majlis Perbandaran Pasir Gudang, 2020)	34
Rajah 3.3	Jadual Persampelan (Krejcie & Morgan, 1970))	36
Rajah 4.1	Histogram Persepsi Terhadap Pendidikan	48
Rajah 4.2	Histogram Gaya Asuhan	50
Rajah 4.3	Histogram Situasi Ponteng	52

SENARAI SINGKATAN

SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
SK	-	Sekolah Kebangsaan
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
et. al	-	et alibi, dan rakan-rakan, untuk pengganti nama penulis penulis selain penulis pertama
SSDM	-	Sistem Sahsiah Diri Murid

SENARAI SIMBOL

%	-	Peratus
=	-	Sama dengan
r	-	Korelasi
M	-	Min
SP	-	Sisihan Piawai
p	-	Signifikan
n	-	Sampel

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Soal Selidik Permasalahan Tidak Hadir Sekolah Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Di Daerah Pasir Gudang	75

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Laporan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia yang menunjukkan dari tahun 2006 sehingga ke 2012, kes disiplin mencecah 107191 kes berbanding kepada 97115 kes pada tahun 2005; dengan kes ponteng yang berada pada 17343. Menurut Hasnan (2018, Mac 21) peningkatan secara mendadak dalam kes ponteng pada tahun 2017 di mana menunjukkan peningkatan kes kepada 67053. Di Malaysia, terma penolakan sekolah tidak digunakan secara meluas dan kepada kanak-kanak yang sering tidak hadir ke sekolah telah biasa dikategori sebagai ponteng sekolah dan kajian tentang ponteng selalunya menunjukkan bahawa tiada kesusahan dalam tekanan emosi dihadapi oleh penolakan sekolah atau ketidakhadiran signifikansi antisosial atau aktiviti tunggakan (Balakrishnan & Andi, 2019). Bernama (2019) melaporkan terdapat 3998 kes ponteng sekolah yang telah dicatatkan di Johor sepanjang tahun ini. Pendidikan Negeri, Sumber Manusia, Pengerusi Jawatankuasa Sains dan Teknologi Aminolhuda Hassan dalam Bernama (2019) berkata walau bagaimanapun, murid yang terbabit dalam 298 kes menunjukkan perubahan yang signifikansi pada sikap dah telah berhenti perangai ponteng. Menurut data daripada rekod kaunseling yang telah dikumpul dari sekolah-sekolah di Johor (Januari-Jun 2019), terdapat 3992 kes ponteng. Dalam konteks di Malaysia, Aziz (2017) dalam kajiannya ke atas murid di sekolah menengah menunjukkan bahawa hubungan antara murid dengan ahli keluarga, cikgu, rakan sebaya dan juga kemudahan yang disediakan di sekolah boleh menyumbang dalam ponteng. Tambahan juga, Balakrishnan dan Andi (2019) menjelaskan bahawa gejala ponteng di kalangan murid boleh berpunca daripada guru, situasi di sekolah, media massa, rakan sebaya, sikap murid dan keluarga.

Matage dan Begi (2017) percaya bahawa pengetahuan tentang anggaran dan faktor yang berkaitan dapat menghantar pesanan tentang kesihatan awam dan polisi

pendidikan. Jadi, pengkaji telah menjalankan analisis kedua daripada Swaziland Global School-Based Health Survey (GSHS) untuk mendapatkan anggaran tentang kelaziman dan berkorelasi ponteng sekolah di kalangan murid. Murid merupakan pewaris masa hadapan negara. Aktiviti mereka telah menjadi topik yang sering dibincangkan dan diberi amaran hangat dari seluruh masyarakat. Media massa sering menyiarkan banyak berita dan cerita tentang penipuan oleh murid dan pelbagai masalah yang mengelilingi mereka.

Sekolah merupakan sebuah tempat untuk melahirkan individu dan permulaan kepada pencapaian akademi untuk generasi seterusnya. Oleh itu, pergi ke sekolah telah dijadikan sebagai suatu undang-undang yang diwajibkan di seluruh dunia di mana kanak-kanak harus menghadiri sesi persekolahan sekurang-kurangnya untuk sebelas tahun di dalam hidup mereka. Jusoh (2016) menyatakan bahawa ada setengah murid tidak mematuhi undang-undang kerana terdapat beberapa faktor dari segi faktor luaran dan dalaman yang tidak diingini justeru membawa kepada kelaziman untuk ponteng sekolah sejak dari sekolah rendah sehingga ke tahap pengajian tinggi di dalam sistem pembelajaran. Ponteng masih dilihat sebagai satu isu yang sering dipandang serius oleh ibu bapa, masyarakat dan kerajaan kerana ia merupakan permulaan kepada banyak isu disiplin dan sosial di kalangan para murid. Apabila murid mula perbuatan ponteng bermaksud sekolah telah hilang kepentingan dan telah gagal dalam menarik minat murid tersebut untuk berada atau pergi ke sekolah.

Sikap ponteng juga menunjukkan bahawa permulaan kepada masalah murid yang dihadapi dalam kehidupan mereka kerana tiada masa pengawasan ketika ponteng berkemungkinan untuk murid menjalankan atau melakukan perbuatan yang berbahaya (Ishak & Fin,2015). Ponteng juga dikaitkan dengan tercicir daripada persekolahan atau diberhentikan dari persekolahan, penyalahgunaan bahan-bahan yang terlarang, masalah akademik dan kenakalan. Definisi sebagai latihan bagi menjarakkan diri daripada sekolah tanpa kebenaran, gejala ponteng di Malaysia telah diklasifikasikan sebagai masalah disiplin yang kedua tertinggi. Kementerian Pendidikan melaporkan bahawa pada tahun 2010, daripada 111484 kes masalah disiplin, 19545 kes melibatkan ponteng. Pada tahun 2011, daripada 108650 kes masalah disiplin, 18550 melibatkan tingkah laku ponteng sekolah (Ishak & Fin,2015). Terdapat juga segelintir murid yang

kurang minat terhadap sekolah kerana mereka mengalami kesukaran dalam memahami mata muridan yang diajar oleh guru masing-masing dan tidak mampu mengikutinya dengan sempurna kerana ketinggalan akibat kelemahan diri mereka sendiri. Alasan ini juga menjadi penyebab berlakunya kes ponteng dikalangan murid yang lemah jika dibanding dengan murid yang cerdas. Gejala ponteng menunjukkan peningkatan yang drastik di sekolah terutamanya di sekolah dimana hubungan antagonistik antara guru dan murid diamalkan. Kadar kehadiran yang lemah akan menjejaskan prestasi akademik secara langsung di sekolah-sekolah tertentu. Kehadiran yang merosot secara berterusan boleh menyebabkan kehilangan minat terhadap sekolah dan mewujudkan sikap negatif terhadap persekitaran pembelajaran. Tanpa pengawasan yang berterusan, murid yang selalu ponteng lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam kegiatan jenayah seperti vandalisme atau mencuri. Murid yang bergaul dengan kumpulan murid yang nakal atau bermasalah juga menjadikan kes ponteng di sekolah semakin sukar dikawal.

Oleh itu, Kementerian Pendidikan (dalam Laporan Tahunan,2018) telah melaksanakan satu sistem yang akan mengeluarkan surat amaran bagi yang sedang menghadapi masalah ponteng sekolah. Organisasi sekolah telah diberi kuasa untuk menugaskan tiga jenis surat amaran kepada murid yang ponteng (Yahaya, Hashim, Boon & Chan,2007). Jenis surat amaran kategori pertama akan diberikan kepada murid yang ponteng hari persekolahan yang melebihi sepuluh hari. Murid yang tidak hadir ke sekolah tanpa alasan yang melebihi dua puluh hari akan menerima surat amaran jenis kedua dan surat amaran yang ketiga pula akan dikeluarkan kepada murid yang ponteng melebihi empat puluh hari (Adnan, 2020). Murid akan digantung dari persekolahan jika mereka meneruskan tabiat ponteng mereka. Ali, Yusuf dan Ali (2017) menyatakan bahawa ibu bapa dan juga penjaga boleh memohon untuk mereka supaya didaftarkan ke sekolah.

Tingkah laku penolakan (*refusal behavior*) di sekolah merupakan definisi yang mempunyai skop luas yang memberi maksud kepada elemen motivasi negatif dalam kalangan kanak-kanak untuk menghadiri sekolah atau kesukaran untuk berada di kelas sepanjang hari (Donat, Gallschütz & Dalbert,2018). Perbuatan ini termasuklah kanak-kanak dan juga murid yang mempunyai kecenderungan untuk tidak hadir ke sekolah

untuk jangka masa yang lama, yang melangkaui masa kelas atau sebahagian daripada sesi persekolahan, murid-murid yang menunjukkan ketidakhadiran yang kronik secara progresif, murid yang berdegil untuk ke sekolah setiap pagi dan sesiapa yang hadir ke sekolah tetapi dengan kesusahan. Mengikut Gonzálvez, Inglés, Kearney, Sanmartín, Vicent dan García-Fernández (2019) ini turut merangkumi individu yang mengulang perbuatan tersebut tanpa sebab bagi menghadiri persekolahan di mana ia dikelaskan sebagai kesan signifikan dari segi pandangan sosialisasi dan perlakuan. Setiap kanak-kanak perlu mula pergi ke sekolah pada usia yang bersesuaian seperti yang telah ditentukan di peringkat global dan apabila terdapat seorang kanak-kanak yang melanggar undang-undang tidak kira kepada kehendak sendiri atau dipaksa untuk berbuat demikian tapi akan menjadi satu masalah kepada masyarakat tersebut.

Kanak-kanak dan murid daripada semua kategori usia tidak kira lelaki dan perempuan juga boleh menunjukkan perangai ponteng sekolah (Halim, Sham & Abdullah,2017). Permulaan kategori umur adalah dari 10 hingga ke 13 tahun. Tambahan pula, murid yang memasuki bangunan sekolah untuk pertama kalinya akan mempunyai risiko yang tinggi dalam perangai menolak persekolahan. Sekolah menengah dan rendah di Malaysia telah dibebani dengan masalah ketidakhadiran tanpa alasan dalam kalangan para murid mereka. Kajian yang telah dijalankan di Malaysia terhadap pelbagai masalah sosial termasuklah kategori murid yang merekodkan peratus ponteng antara golongan murid kira-kira 30 peratus yang dijangka sangat tinggi (Rashid & Samat,2018). Akan tetapi, bilangan nombor murid yang tidak hadir yang berlarutan secara global tanpa alasan yang tidak diketahui kerana tidak ada informasi tentang statistik yang dikeluarkan atau diterbitkan (Ramberg, Brolin Låftman, Fransson & Modin,2019).

Ponteng sekolah merupakan salah laku yang berlaku untuk jangka masa yang lama (Aziz,2017), banyak murid sekolah rendah dan menengah memainkan peranan penting dalam isu ponteng sekolah (Adefunke,2015). Situasi di Malaysia pula, purata ponteng sekolah adalah sangat membimbangkan kerana melibatkan golongan para murid yang kategori umur dari 14 sehingga 15 tahun. Mengikut Wulandari (2018) pelaku dikaitkan dengan aktiviti tidak berfaedah seperti kecurian, melepak di pusat membeli belah, dadah, permainan video dan melanggan laman lucah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Faktor pertama yang menjadi penyumbang kepada kegiatan ponteng dalam kalangan murid ialah faktor pengaruh rakan sebaya. Dapatan oleh Jusoh (2016) telah melaporkan bahawa selain daripada faktor guru dan kemudahan di sekolah, pengaruh rakan sebaya juga memainkan peranan yang penting dalam menghasut murid dalam gejala ponteng ini. Gejala ponteng adalah suatu yang boleh dijangka kerana mereka yang ponteng akan mempunyai pelbagai petanda. Tingkah laku ponteng dalam kalangan murid yang dilaporkan akan berkemungkinan terjebak dalam risiko perbuatan seksual, penggunaan dadah secara haram, minum arak dan menghisap rokok yang kebanyakannya melibatkan pengaruh rakan sebaya. Mazerolle et al. (2019) telah mencadangkan bahawa apabila terdapat pergaulan rakan sebaya yang tidak diawasi dalam golongan murid ia akan membolehkan mereka untuk memulakan dan mengekalkan perbuatan yang tidak sihat mereka.

Faktor seterusnya ialah faktor guru di sekolah. Berdasarkan kepada kajian oleh Ishak dan Fin (2015), guru adalah antara faktor yang paling signifikansi dalam punca berlakunya ponteng diikuti oleh sikap murid, rakan sebaya dan ibu bapa. Guru harus lebih berwaspada dan bukannya menutup sebelah mata kerana kemungkinan berlakunya masalah ponteng sekolah di kalangan murid. Guru harus mengambil tindakan apabila mereka berhadapan dengan mana-mana murid mereka yang berada di sekitar kawasan sekolah or duduk di kantin sekolah tanpa alasan yang munasabah atau murid mereka tidak hadir untuk beberapa hari dan bukannya tidak melayani mereka (Rashid & Samat, 2018). Walau bagaimanapun, mereka harus mengambil kedatangan untuk setiap kelas, ada segelintir daripada mereka akan menandakan nama mereka sebagai hadir ke sekolah tanpa mengambil masa untuk mencari murid yang tidak hadir pada hari tersebut tetapi mereka tidak ada di kelas.

Faktor seterusnya ialah faktor pengurusan sekolah. Satu kajian yang oleh Obondo dan Dhadphale (dipetik daripada Heyne, Gren-Landell, Melvin, & Gentle-Genitty, 2019) melaporkan bahawa kira-kira 10% tidak kehadiran ke sekolah terhadap murid di Kenya adalah kerana ponteng. Kajian tersebut mendapati bahawa 169 murid jalaran di Ibadan, Nigeria dan kira-kira 47% daripada jumlah tersebut mempunyai

sejarah ponteng. Kajian tersebut mencadangkan bahawa perkaitan antara amalan ponteng dan pengurusan sekolah merupakan penyumbang yang penting dalam ketidakhadiran ke sekolah. Faktor yang telah dilaporkan sebagai penyumbang utama kepada tahap ponteng ialah pengurusan sekolah yang tidak mengawasi murid yang bergejala, perhatian yang kurang terhadap mereka yang mendapat pencapaian yang lemah dan pendedahan kepada penggunaan dadah secara haram. Mengikut Heyne et al. (2019), pengurusan sekolah perlu lebih berkesan dalam mengenalpasti semua elemen yang mendorong murid untuk ponteng. Perbuatan ponteng merupakan penunjuk kepada bahawa pelaku memerlukan bantuan dengan segera (Ramberg et al.,2019). Sikap ponteng sering dikaitkan dengan berhenti sekolah, pengangguran dan jenayah, penyasaran intervensi untuk fenomena gejala negatif ini memerlukan pencegahan dengan melibatkan semula murid dengan menggunakan suasana sekolah (Heyne et al.,2019). Dalam konflik menentang ponteng, pihak berkuasa sekolah harus mengambil tindakan yang tegas untuk mengurangkan kes ponteng dan memastikan murid berada di sekolah. Perkara ini boleh dicapai jika semua tempat keluar yang berkemungkinan untuk murid keluar dari kawasan sekolah dikawal dengan ketat. Penjaga keselamatan tidak harus ditempatkan secara seorang di jalan masuk sekolah tetapi mereka juga harus membuat perondaan kawasan sekolah dari masa ke masa bagi mengelakkan murid daripada keluar dari kawasan sekolah (Kalam,2016).

Walaupun, Matage dan Begi (2017) menegaskan bahawa masalah ponteng sekolah mempunyai perkaitan yang sangat kritikal dengan faktor keluarga dan gaya asuhan di rumah. Faktor seterusnya ialah keadaan atau faktor keluarga yang menyebabkan gejala ponteng. Suasana tempat tinggal murid juga merupakan faktor yang didapati yang berkaitan dalam ponteng seperti yang telah ditegaskan oleh Reissner, Knollmann, Spie, Jost, Neumann dan Hebebrand (2019). Menurut McNeely, Lee, Rosenbaum, Alemu dan Renner (2019) kesedaran dalam kalangan ibu bapa mengenai kepentingan pencapaian akademik adalah sangat penting sebagai penentu dalam masalah ponteng. Gejala ponteng dalam kalangan murid boleh mengancam peluang mereka dalam mencapai matlamat pendidikan mereka dan juga dikaitkan dengan pelbagai masalah psikososial. Walaupun, terdapat data yang terhad dalam kelaziman dan faktor pendidikan ibu bapa kepada masalah ponteng dalam golongan murid di Malaysia. Pencapaian pendidikan ialah penentu penting kepada beberapa cara kehidupan yang berkaitan dengan kesihatan dan moraliti pramatang

(Mazerolle, Bennett, Antrobus, Cardwell, Eggins & Piquero,2019). Gejala ponteng pada zaman kanak-kanak mungkin boleh dikaitkan dengan elemen sosial buruk yang berasal daripada keluarga yang bermasalah. Keluarga bermasalah juga boleh memberikan kesan terhadap kesihatan dalam kehidupan pada masa yang akan datang (Bakar & Hamzah,2019). Kajian oleh Bennett, Mazerolle, Antrobus, Eggins dan Piquero (2018) juga melaporkan bahawa dewasa yang mempunyai sikap ponteng apabila murid akan berkemungkinan mengalami perkahwinan atau pekerjaan yang tidak menentu atau ketidakselarasan psikososial apabila dibandingkan dengan rakan sejawat mereka yang tidak melakukan perbuatan ponteng ketika murid.

Oleh itu, menurut Seidu, Dadzie dan Ahinkorah (2019), masalah sosial dan perbuatan jenayah berkaitan murid telah menjadi sesuatu yang mencemaskan. Faktor keluarga menjadi satu faktor utama kerana seorang individu mengalami kebanyakan perubahan yang besar sama ada fizikal, emosi atau sosial di waktu bersama keluarga mereka. Kenakalan murid bukan sahaja terbatas kepada menghisap rokok, bergaduh antara satu sama lain atau berkelakuan tidak senonoh tetapi juga termasuk pembuangan bayi, ponteng sekolah, lari dari rumah, seks bebas dan pergaulan. Menurut Seidu et al. (2019), dengan gaya asuhan ibu bapa yang lebih terbuka sekarang, mereka lebih berani untuk melakukan kesalahan jenayah yang lebih serius seperti menyertai sindiket yang berbahaya dan menjadi samseng, melakukan pembunuhan tanpa atau menggunakan senjata api, merompak, merogol, pelacuran, berjudi, vandalisme, penyalahgunaan dadah, alkohol dan pornografi sebagai aktiviti utama semasa tengah ponteng. Masalah seperti ini bukan berlaku di bandar dan sekolah bandar malah berlaku sekolah luar bandar. Ini merupakan petunjuk bahawa masalah ponteng ini lebih kepada situasi keluarga di rumah. Kesimpulan yang dibuat berdasarkan daripada ulasan sastera yang membincangkan tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada perbuatan ponteng adalah faktor di rumah seperti ekonomi atau tahap pendidikan ibu bapa dan gaya asuhan dalam keluarga.

1.3 Pernyataan Masalah

Merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1995: Menangani Masalah Ponteng Di Sekolah, langkah proaktif Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap menangani masalah ponteng ini adalah berlandaskan pada laporan masalah disiplin yang mendapati bahawa kadar ponteng sekolah berada pada tahap yang kritikal (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995). Walaupun data tersebut adalah berdasarkan pada tahun tersebut, ia memberi satu gambaran yang jelas terhadap kewujudan masalah ponteng sekolah dalam konteks pendidikan di Malaysia. Pekeliling tersebut turut menggariskan beberapa definisi aktiviti ponteng sekolah dan juga menawarkan strategi dan saranan kepada guru untuk menangani masalah disiplin tersebut. Mengikut Kementerian Muridan Malaysia (dalam Kalam, 2016), statistik daripada tahun 2008 hingga 2012 mendapati bahawa masalah ponteng ialah yang paling ketara dengan 17,313 kes yang dilaporkan. Menurut Hasnan (2018) dalam artikelnya di portal berita atas talian, Astro Awani, ponteng sekolah mencatatkan rekod paling tinggi dalam kategori salahlaku disiplin pada tahun 2017. Rajah 1.1 menunjukkan bahawa sejumlah 67,053 murid terlibat dalam gejala ponteng sekolah pada tahun 2017.



(Sumber: Hasnan, 2018)

Rajah 1.1 Statistik Salah Laku Disiplin Murid Sekolah 2017

Salah satu masalah utama yang mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian yang berkaitrapat dengan isu ponteng ialah masalah ponteng yang berpunca daripada ketidakhadiran murid yang berpunca daripada ibu bapa yang tidak cakna akan pendidikan anak mereka. Masalah kegagalan murid untuk menghadiri sekolah merupakan masalah yang kritikal kerana ia menyebabkan tugas dan peranan sistem pendidikan terhalang. Walaupun terdapat pelbagai cabaran dalam mendidik sesuatu komuniti, cabarannya jauh berbeza apabila mereka langsung tidak memberikan peluang kepada pendidik untuk mengambil pelbagai langkah yang proaktif. Hal ini kerana, apabila murid tidak hadir langsung ke sekolah, maka segala strategi yang mungkin boleh digunakan oleh warga pendidik tidak dapat dilaksanakan terhadap murid tersebut. Dalam konteks masyarakat tempatan, terutamanya di negeri Johor di daerah Pasir Gudang, masalah ponteng ini telah menjadi kritikal dari masa ke masa kerana keengganan ibu bapa untuk bekerjasama dengan menghantar anak mereka ke sekolah. Masalah ponteng yang berlaku tidak terbatas kepada masalah keciciran sekolah malah masalah keciciran murid pada waktu aktiviti kokurikulum dan sebagainya. Pemerhatian pengkaji menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa tidak melihat kepada pendidikan sebagai satu keutamaan dan hasilnya mereka tidak menggalakkan anak-anak mereka untuk ke sekolah. Heyne et al. (2019) turut mengakui bahawa persepsi ibu bapa terhadap pendidikan merupakan elemen yang sangat penting bagi memastikan murid ke sekolah. Hanya selepas itu, guru dapat melaksanakan strategi yang selaras dengan isu yang dihadapi oleh murid itu.

Seterusnya persepsi ibu bapa terhadap kedatangan ke sekolah. Fenomena ini mendorong pengkaji untuk melihat masalah ini dalam perspektif ibu bapa dan bagaimana elemen seperti ekonomi keluarga dan gaya asuhan mendorong ibu bapa untuk tidak memberikan keutamaan kepada kehadiran sekolah anak mereka. Bakar dan Hamzah (2019) dalam kajian mereka, mendapati bahawa murid sekolah yang terlibat dalam aktiviti ponteng sekolah tidak melihatnya sebagai sesuatu yang salah dari sisi undang-undang mahupun dari segi tanggungjawab mereka sebagai kerana ibu bapa mereka tidak menekankan hal kehadiran sekolah. Pemerhatian yang terperinci menunjukkan bahawa murid-murid tidak hadir ke sekolah kerana mempunyai persepsi negatif terhadap aktiviti-aktiviti tertentu dan pendidikan di sekolah secara

keseluruhan. Persepsi yang terbina hasil daripada asuhan ibu bapa ini menjadi faktor utama dalam mendorong murid-murid ke arah aktiviti ponteng. Pengkaji mendapati bahawa murid yang terlibat dalam gejala ponteng samada secara individu mahupun berkelompok biasanya ditangkap oleh guru disiplin. Guru disiplin kemudiannya melaksanakan pengoperasian standard dengan memaklumkan kepada ibu bapa mereka. Pemerhatian menunjukkan bahawa kebanyakan murid yang terlibat adalah murid-murid yang mengulang perbuatan tersebut walaupun telah ditangkap dan dimaklumkan kepada ibu bapa mereka.

Perkara ini turut berkait rapat dengan gaya asuhan ibu bapa. Hal ini berkait rapat dengan bagaimana mereka diasuh di rumah dan bagaimana persepsi mereka terhadap proses pendidikan terbentuk daripada pelbagai faktor seperti gaya asuhan ibu bapa dan sosioekonomi keluarga. Pengkaji juga meninjau laporan daripada Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) yang merupakan satu sistem atas talian yang digunakan oleh guru untuk melaporkan pelbagai tingkah-laku murid. Tinjauan menunjukkan bahawa beberapa sekolah di Pasir Gudang turut menunjukkan kadar ponteng yang tinggi dalam tahun 2019. Bernama (2019) melaporkan bahawa sejak SSDM digunakan, kadar aktiviti ponteng sekolah yang dilaporkan bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah lebih tinggi berdasarkan pada statistik daripada sekolah-sekolah di Negeri Sembilan.

Ini menunjukkan bagaimana terdapat peningkatan yang mendadak menerusi pengenalan sistem yang mengenalpasti aktiviti ponteng sekolah dengan lebih spesifik. Ini membawa kepada situasi spesifik yang mendorong amalan ponteng. Penggunaan sistem ini memberikan guru platform untuk melaporkan secara spesifik mengenai keciciran atau ketidakhadiran murid dan menawarkan satu pangkalan data yang dapat mengumpulkan kes-kes ponteng yang berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor untuk tujuan pelaksanaan intervensi yang lebih berkesan (Lubis, Hassan & Hamzah, 2017). Pemerhatian oleh pengkaji mendapati bahawa murid yang terlibat dalam gejala ponteng ini biasanya mempunyai latar belakang keluarga yang mendorong kecenderungan mereka untuk terlibat dalam aktiviti ponteng. Berdasarkan pada fenomena yang berlaku di beberapa sekolah yang berhampiran, terdapat murid yang tidak hadir ke sekolah atas sebab-sebab kewangan dan juga faktor keluarga mereka.

Ini berbeza dengan teori keengganan yang biasanya menjadi asas dalam kajian yang melibatkan aktiviti ponteng sekolah atau ketidakhadiran. Tinjauan oleh pengkaji mendapati bahawa terdapat guru yang melaporkan kes ponteng murid daripada pelbagai aktiviti yang dianjurkan. Sebagai contoh, ada yang didapati tidak hadir ke sekolah setiap kali sesuatu program diadakan dan terdapat murid yang tidak hadir ketika ujian dilaksanakan dan ada murid yang hanya hadir ke sekolah pada hari yang ada Pendidikan Jasmani dalam jadual mereka. Oleh itu, perlu ada kajian yang mendalam terhadap elemen keluarga yang memainkan peranan dalam membentuk kecenderungan murid untuk tidak hadir ke sekolah. Hal ini kerana, perbualan bersama guru-guru disiplin mendapati bahawa ada ibu bapa yang mengakui tidak dapat menghantar anak mereka ke sekolah kerana mempunyai masalah kewangan, terdapat murid yang tercicir kerana ibu bapa mereka terlibat dalam kes jenayah, terdapat keluarga yang memang mengasuh anak-anak mereka untuk mempunyai persepsi negatif terhadap sekolah dan terdapat tekanan ekonomi yang memaksa ibu bapa untuk mementingkan kerja berbanding dengan pendidikan anak mereka.

1.4 Objektif Kajian

1. Mengetahui hubungan antara faktor keluarga (status jajaan) dengan masalah ponteng sekolah.
2. Mengetahui hubungan antara faktor keluarga (pekerjaan ibu bapa atau penjaga) dengan masalah ponteng sekolah.

1.5 Persoalan Kajian

1. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor keluarga (status jajaan) dengan masalah ponteng?
2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor keluarga (pekerjaan ibu bapa atau penjaga) dengan masalah ponteng sekolah?

1.6 Hipotesis Kajian

H₀₁: Tiada hubungan yang signifikan antara faktor keluarga (status jagaan) dengan masalah ponteng sekolah.

H_{A1}: Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor keluarga (status jagaan) dengan masalah ponteng sekolah.

H₀₂: Tiada hubungan yang signifikan antara faktor keluarga (pekerjaan ibu bapa atau penjaga) dengan masalah ponteng sekolah.

H_{A2}: Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor keluarga (pekerjaan ibu bapa atau penjaga) dengan masalah ponteng sekolah.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijangka mempunyai kepentingan secara terus kepada beberapa aspek dalam pendidikan. Spesifiknya, kajian ini akan membawa impak yang signifikan kepada pengurusan hal ehwal murid sekolah dan pembentukan peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah.

1.7.1 Pengurusan Hal Ehwal Murid

Pengurusan hal ehwal murid merupakan bahagian pengurusan sekolah yang paling kritikal dalam menguruskan masalah ponteng sekolah. Hal ini kerana, masalah disiplin murid dan pengurusan tingkah laku mereka merupakan bidang yang berada di bawah pengurusan hal ehwal murid (Sarji, Sulaiman, Tejeri & Bakar, 2017). Kajian ini akan mendapatkan pelbagai data yang mengaitkan faktor tekanan ekonomi keluarga dan faktor gaya asuhan ibu bapa dengan kejadian ponteng sekolah terutamanya di sekolah-sekolah di daerah Pasir Gudang. Pertama, data tersebut akan menawarkan satu pandangan yang lebih jelas mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh murid di

rumah sehingga mereka terpaksa ponteng sekolah. Pandangan tersebut akan memberikan guru-guru dan penolong kanan hal ehwal murid peluang untuk merangka intervensi yang lebih sesuai untuk menangani setiap murid. Seterusnya, menerusi kajian sebegini, pentadbiran sekolah akan dapat merangka lebih banyak program yang berlandaskan pada keperluan spesifik. Ini selaras dengan pengurusan dan pentadbiran sekolah terkini yang memberikan lebih kuasa autonomi kepada pentadbiran sekolah agar setiap pelan rancangan sekolah adalah spesifik dengan keperluan murid mereka. Dengan mengenalpasti pelbagai tekanan ekonomi dan gaya asuhan ibu bapa yang berbeza, setiap program intervensi akan dirangka ke arah menangani aspek-aspek tersebut. Pengurusan hal ehwal murid akan menjadi lebih berkesan menerusi proses ini. Oleh itu, kajian ini adalah signifikan kepada pengurusan hal ehwal murid dengan meningkatkan lagi keberkesanan dan peranan yang dimainkan oleh pentadbiran sekolah dalam menangani masalah ponteng.

1.7.2 Peranan PIBG Sekolah

Satu aspek penting dalam menangani hal ehwal murid di sekolah adalah hubungan antara pengurusan sekolah, guru dan ibu bapa serta penjaga. Hubungan tersebut adalah signifikan dalam mewujudkan satu persekitaran yang kondusif dan positif dalam memastikan pendidikan yang berkualiti dapat diberikan (Hood,2016). Kajian ini mempunyai peranan untuk memperkukuh lagi tanggungjawab serta peranan yang perlu dimainkan oleh PIBG di setiap sekolah. Dalam konteks kajian ini, tekanan ekonomi yang berlaku dalam masyarakat hari ini dilihat sebagai satu elemen yang penting dalam mempengaruhi gaya asuhan anak dan ini dilihat sebagai prasyarat ke arah masalah ponteng sekolah yang berlaku. Kajian ini akan membantu pihak sekolah untuk memahami situasi sebenar di rumah mereka dan dengan pemahaman yang lebih mendalam mereka akan dapat mewujudkan hubungan yang lebih utuh dengan PIBG. Menerusi kajian ini, warga pendidik di sekitar daerah Pasir Gudang akan mendapat satu kesedaran mengenai impak tekanan ekonomi dalam kalangan ibu bapa dan bagaimana gaya asuhan mereka berbeza-beza dan mereka akan dapat bekerjasama dengan ibu bapa untuk menghasilkan strategi penyelesaian yang lebih sistematik.

1.8 1.8 Kerangka Teori

Terdapat beberapa teori utama yang menjadi asas kepada kajian semasa. Pengkaji telah memilih teori kawalan sosial dan teori sub-budaya urban sebagai satu asas kepada kajian semasa. Secara spesifik, teori-teori ini adalah berlandaskan pada bidang psikologi dalam pendidikan.

1.8.1 Teori Kawalan Sosial

Teori kawalan sosial tidak menjelaskan mengapa seseorang individu terlibat dalam kegiatan jenayah namun mengapa individu tersebut memilih untuk mematuhi cara-cara konvensional (Cardwell, Mazerolle & Piquero, 2019). Hubungan atau ikatan individu terhadap seseorang individu, kumpulan atau institusi yang menyokong nilai dan cara-cara konvensional adalah sangat penting. Jika hubungan ini terputus, risiko perilaku semakin besar dan membimbangkan. Menurut teori ikatan sosial Hirschi (2017), kekukuhan ikatan ini bergantung kepada empat faktor: A) ikatan emosional kepada individu yang penting seperti ahli keluarga, guru dan rakan sebaya, B) komitmen terhadap aktiviti konvensional, C) penglibatan dalam aktiviti konvensional dan D) tahap keyakinan dalam peraturan sosial. Teori kawalan sosial menekankan keluarga sebagai kumpulan rujukan utama untuk murid. Oleh itu, sehubungan dengan keluarga sebagai institusi sosialisasi kita tidak hanya menumpukan perhatian kepada 'ikatan emosi', tetapi juga mempertimbangkan seperti yang telah dirumuskan dalam skop kajian jangka panjang oleh Gottfredson (2017). Berbeza dengan Hirschi, ketika menyoal-periksa sesebuah keluarga, Gottfredson (2017) tidak hanya melihat perikatan emosional, tetapi juga menambah dua elemen lagi yang diekstrak dari teori yang sedia ada. Dari perspektif ini, ikatan emosi hanya mewakili satu bahagian daripada fungsi kawalan keluarga, yang perlu dilengkapi oleh dua unsur lain: satu adalah cara-cara membesarkan dan mendisiplinkan anak-anak, dan seterusnya adalah pengawasan ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Walaupun tahap perikatan emosi merupakan satu bentuk kawalan ibu bapa secara tidak langsung, kedua-dua elemen tersebut memberi tumpuan penuh terhadap kawalan ibu bapa secara langsung.


1.8.2 Teori Sub-Budaya Urban

Bidang penting dalam analisis penyelidikan sosioekologi ialah persoalan sejauh mana aspek persekitaran bandar (contohnya; kadar pengangguran atau kadar jenayah yang tinggi dalam komuniti) membawa kepada fenomena delinkuen dalam kalangan murid (Deitzer & Copes,2017). Dalam konteks ini, masyarakat bandar ('kawasan pembiakan') berfungsi sebagai unit utama analisis. Para murid mungkin menganggap bahawa kekayaan ekonomi dan pengiktirafan sosial tidak hanya dapat dicapai melalui pendidikan sekolah konvensional dan latihan vokasional. Malahan itu, perbuatan delinkuen mungkin juga menjadi alternatif yang realistik dan layak untuk mencapai matlamat tersebut. Kumpulan rakan sebaya sebagai agen sosialisasi memainkan peranan penting dalam teori subkultur Sekolah Chicago (Trasher, Whyte dan Cohen dalam Lauger,2018) dan juga menjadi tumpuan dalam "teori transmisi kebudayaan" oleh Shaw dan McKay (dipetik oleh Bursik,2017). Hubungan yang rapat antara individu bermasalah yang lebih tua di kalangan masyarakat bandar boleh meningkatkan kecenderungan terhadap fenomena delinkuen di kalangan murid yang lebih muda.

Dalam teori mereka, Cloward dan Ohlin (dipetik dalam Brezina & Agnew,2017) menggabungkan unsur-unsur teori anomie, teori subkultur bandar dan teori persamaan pembezaan yang dirumuskan oleh McCord dan Conway (2018). Ia mendakwa bahawa bukan sahaja akses kepada cara yang sah tetapi juga cara tidak sah membantu dalam menjelaskan perbuatan delinkuen. Dua elemen yang diperlukan untuk menggunakan menjayakan cara yang tidak sah adalah: struktur pembelajaran serta struktur peluang. Struktur pembelajaran menerangkan konteks yang membolehkan murid memperoleh nilai-nilai tidak konvensional dan kegiatan jenayah yang diperlukan untuk menjalankan 'perbuatan delinkuen'. Istilah 'peluang' bermaksud individu perlu mempunyai kesempatan untuk memenuhi tugas ini secara aktif. Kedua-dua struktur pembelajaran dan kesempatan terletak di kalangan masyarakat yang tidak teratur.

1.9 Kerangka Konseptual

Kajian ini menggunakan satu kerangka konseptual yang dibina dengan meletakkan pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar dalam satu kerangka yang terperinci. Kerangka tersebut berasas daripada teori kawalan sosial dan teori sub-budaya urban yang penting dalam menjelaskan peranan budaya setempat dalam mempengaruhi pelbagai elemen termasuk fenomena ponteng sekolah. Kerangka konseptual dalam rajah 1.2 menunjukkan satu kerangka yang meletakkan faktor keluarga sebagai pembolehubah bebas dan kadar ponteng murid sebagai pembolehubah bersandar. Kerangka ini berkait rapat dengan model antara disiplin ketidakhadiran sekolah yang diperkenalkan oleh Kearney (dipetik daripada Gase, DeFosset, Perry & Kuo, 2016). Mengikut kerangka konseptual ini faktor keluarga dilihat dari segi persepsi ibu bapa terhadap pendidikan dan kehadiran ke sekolah (Conry & Richards, 2018), gaya asuhan ibu bapa dan situasi keluarga yang menyebabkan murid ponteng (Kearney & Albano, 2007). Gaya asuhan pula akan dilihat dalam perspektif tahap pendidikan ibu bapa, jenis pekerjaan mereka dan budaya setempat. Budaya setempat mengikut teori sub-budaya urban dan juga Kearney (dipetik daripada Gase, DeFosset, Perry & Kuo, 2016) merangkumi tahap pendidikan dan dalam konteks ini, jenis pekerjaan mereka hasil daripada pendidikan tersebut. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini adalah tahap ponteng sekolah yang diperolehi oleh pengkaji.



Rajah 1.2 Kerangka Konseptual Kajian

1.10 Batasan Kajian

Batasan kajian ini adalah pada skop kajian ini kerana tertumpu kepada faktor tekanan ekonomi ibu bapa. Hal ini kerana, definisi tekanan ekonomi adalah sangat luas dan mewujudkan kemungkinan di mana pengkaji menghadapi cabaran untuk mencari data yang bertepatan. Walaubagaimanapun, dengan menggunakan statistik dan data daripada unit hal ehwal murid, pengkaji akan dapat melihat kepada keluarga yang dikategorikan sebagai golongan *B40*. Siwar, Ismail, Alias dan Zahari (2019) menyatakan bahawa statistik golongan berpendapatan 40 peratus terendah adalah sangat signifikan dalam menentukan trenda tertentu terutamanya dalam pendidikan. Dalam kajian semasa, batasannya ialah apabila pengkaji perlu menunjukkan korelasi antara tekanan ekonomi dengan menggunakan data tersebut. Hal ini bercanggahan dengan Nomaguchi dan Johnson (2016) dan Shong, Abu Bakar dan Islam (2019) yang berpendapat bahawa pendapatan rendah dan tekanan ekonomi adalah berbeza apabila kedua-duanya melibatkan psikologi individu. Namun, kajian ini adalah berlandaskan pada satu data yang kukuh diterbitkan oleh Jabatan Statistik Malaysia (JSM) (Osman, & Saini, 2019). Dengan data tersebut, pengkaji akan melihat kepada tekanan ekonomi berdasarkan pendapatan ibu bapa yang mempengaruhi gaya asuhan mereka.

1.11 Definisi Operasi

Sepanjang kajian ini, terdapat beberapa terma dan frasa yang akan digunakan oleh pengkaji. Terma dan frasa ini perlu didefinisikan mengikut skop kajian untuk menunjukkan hala tuju kajian yang lebih jelas. Pentafsiran ini dilakukan mengikut kajian-kajian lepas yang sehaluan dengan kajian ini.

1.11.1 Ponteng

Penggunaan terma ponteng dalam kajian ini merangkumi konteks tingkahlaku penolakan yang diterbitkan menerusi teori-teori yang mengumpulkan pelbagai tindakan penolakan (Atkinson, Quarrington & Cyr,1985). Dalam kajian ini, kegiatan ponteng adalah lebih berkait dengan teori kawalan sosial (Cardwell, Mazerolle & Piquero,2019) dan teori sub-budaya urban (Deitzer & Copes,2017). Dalam konteks yang lebih spesifik, kajian ini melihat kepada kegiatan ponteng sekolah yang melibatkan murid-murid sekolah rendah. Dalam Nursalim, Hidayah, Atmoko dan Radjah (2018) mentakrifkan tindakan ponteng sekolah sebagai perasaan kanak-kanak yang cuba mengelakkan sekolah atas sebab-sebab yang menjejaskan psikologi mereka. Keresahan yang berlaku akibat daripada faktor kekeluargaan memainkan peranan signifikan dalam menyebabkan perasaan ponteng dalam kalangan kanak-kanak (Nursalim et al.,2018). Maka, dalam kajian ini ponteng sekolah diteroka dalam skop faktor kekeluargaan dengan melihat bagaimana tekanan ekonomi dan gaya asuhan ibu bapa kedua-duanya memainkan peranan dalam kegiatan ponteng sekolah. Dalam Filippello, Buzzai, Costa dan Sorrenti (2019) ponteng sekolah didefinisikan sebagai tingkah laku yang berlaku akibat daripada kesan individu dan kontekstual. Model Fungsi Tingkahlaku Penolakan Sekolah (Filippello et al.,2019) menerangkan bagaimana tingkahlaku ponteng sekolah berkait rapat dengan psikologi individu yang tercetus akibat gaya asuhan dan didikan.

1.11.2 Gaya Asuhan

Dalam Nursalim et al. (2018) gaya asuhan ibu bapa yang berkaitan dengan pencetusan tingkah laku ponteng sekolah dalam kalangan kanak-kanak ialah gaya asuhan yang mencetuskan keresahan. Nayak, Sangoi dan Nachane (2018) menekankan pendapat ini dengan menyatakan bagaimana sikap kebergantungan yang melampau terhadap ibu bapa dan kegagalan ibu bapa untuk memberikan asuhan yang positif membawa kepada tingkah laku penolakan sekolah. Menurut Nayak et al. (2018) gaya asuhan ibu bapa boleh ditakrifkan sebagai cara atau kaedah perlakuan mereka terhadap anak mereka. Dalam Di Bartolo dan Braun (2017) gaya asuhan dilihat sebagai satu pengurusan disiplin di rumah di mana terdapat pelbagai gaya dan teknik mengikut kesesuaian ibu bapa dan ia dapat mempengaruhi psikologi kanak-kanak dalam jangka masa panjang. Gaya asuhan yang terlalu memberikan kebebasan atau tingkahlaku ibu atau bapa yang menghilangkan diri dalam kehidupan anak-anak pada satu tempoh masa tertentu turut mempengaruhi kelakuan anak-anak (Harman, Kruk & Hines, 2018). Dalam konteks kajian ini, gaya asuhan merangkumi semua elemen yang berkaitan dengan tingkah laku ibu bapa dalam mengurus anak-anak mereka.

1.12 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini telah merumuskan masalah utama yang menjadi pendorong utama kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian ini. Pengkaji telah menyatakan objektif kajian dan persoalan kajian yang berkaitan. Dengan membuat perkaitan tersebut, pengkaji dapat melihat keperluan kajian ini. Dalam bab yang seterusnya, pengkaji akan melaporkan tinjauan kajian-kajian lepas yang berkaitan dan melihat perkaitannya dengan kajian semasa.

RUJUKAN

- Adefunke, E. S. (2015). Truancy Among Public Secondary School Students. Implications For Counselling. *Journal of Emerging Trends in Educational Research and Policy Studies (JETERAPS)*, 6(7), 331-338.
- Adnan N., (2020). 15,506 kes disiplin pelajar direkodkan di Kinta Utara. <https://www.sinarharian.com.my/article/64304/EDISI/Perak/15506-kes-disiplin-pelajar-direkodkan-di-Kinta-Utara>
- Ali, N., Yusuf, R., & Ali, H. (2017). Pola Bekerja Sambilan Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Melaka Tengah Dan Implikasinya Terhadap Prestasi Pembelajaran Di Sekolah (Part-Time Working Trend Among the Secondary Students in the District of Melaka Tengah and its Implication to Their Learning Performance in School). *e-BANGI*, 5(1).
- Araque, J. C., Wietstock, C., Cova, H. M., & Zepeda, S. (2017). Impact of Latino Parent Engagement on Student Academic Achievement: A Pilot Study. *School Community Journal*, 27(2), 229-250.
- Artango, M. B., & Galleto, P. G. (2020). Assessing Truancy Landscape: The Case of Students in a Rural Secondary School. *American Journal of Multidisciplinary Research & Development (AJMRD)*, 2(3), 26-44.
- Atkinson, L., Quarrington, B., & Cyr, J. J. (1985). School refusal: The heterogeneity of a concept. *American Journal of Orthopsychiatry*, 55(1), 83-101.
- Aziz, F. F. A. (2017). Memahami Gejala Ponteng Di kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Tiga buah Sekolah Menengah dalam Daerah Kubang Pasu.
- Aziz, F. F. A. (2017). Understanding Truancy Among Secondary School Students In Three Secondary Schools At District Of Kubang Pasu. *UI Proceedings on Social Science and Humanities*, 1.
- Bakar, A. A. A., & Hamzah, M. I. (2019). Faktor Keterlibatan Remaja Dengan Masalah Sosial (Factors Influencing Teens with Social Problems). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 11(1), 1-17.
- Balakrishnan, R. D., & Andi, H. K. (2019). Factors associated with school refusal behaviour in primary school students. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 1-13.

- Balakrishnan, R. D., & Andi, H. K. (2019). Faktor yang berkaitan dengan keengganan menghadiri sekolah di kalangan pelajar sekolah rendah.
- Balkis, M., Arslan, G., & Duru, E. (2016). The school absenteeism among high school students: Contributing factors.
- Baskerville, D. (2020). Mattering; changing the narrative in secondary schools for youth who truant. *Journal of Youth Studies*, 1-16.
- Bennett, S., Mazerolle, L., Antrobus, E., Eggins, E., & Piquero, A. R. (2018). Truancy intervention reduces crime: Results from a randomized field trial. *Justice Quarterly*, 35(2), 309-329.
- Bernamea. (2019, April 25). *Peratus ponteng sekolah meningkat menerusi pelaksanaan sistem SSDM – Exco*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/peratus-ponteng-sekolah-meningkat-menerusi-pelaksanaan-sistem-ssdm-exco-205872>
- Bhatty, K., Saraf, R., & Gupta, V. (2017). Out-of-school children. *Economic and Political Weekly*, 52(49).
- Brezina, T., & Agnew, R. (2017). Juvenile Delinquency and Subterranean Values Revisited. In *Delinquency and Drift Revisited, Volume 21* (pp. 73-97). Routledge.
- Bursik, R. J. (2017). Social Sources of Delinquency and the Second Coming of Shaw and McKay. In *Challenging Criminological Theory* (pp. 105-116). Routledge.
- Cardwell, S. M., Bennett, S., & Mazerolle, L. (2021). Bully Victimization, Truancy, and Violent Offending: Evidence From the ASEP Truancy Reduction Experiment. *Youth Violence and Juvenile Justice*, 19(1), 5-26.
- Cardwell, S. M., Mazerolle, L., & Piquero, A. R. (2019). Truancy intervention and violent offending: Evidence from a randomized controlled trial. *Aggression and Violent Behavior*.
- Conry, J. M., & Richards, M. P. (2018). The severity of state truancy policies and chronic absenteeism. *Journal of Education for Students Placed at Risk (JESPAR)*, 23(1-2), 187-203.
- Deitzer, J. R., & Copes, H. (2017). Subcultural Theories. *The Encyclopedia of Juvenile Delinquency and Justice*, 1-5.
- Di Bartolo, C. A., & Braun, M. K. (2017). Discipline Techniques. In *Pediatrician's Guide to Discussing Research with Patients* (pp. 149-167). Springer, Cham.

- Donat, M., Gallschütz, C., & Dalbert, C. (2018). The relation between students' justice experiences and their school refusal behavior. *Social psychology of education, 21*(2), 447-475.
- Filippello, P., Buzzai, C., Costa, S., & Sorrenti, L. (2019). School refusal and Absenteeism: perception of teacher behaviours, psychological basic needs and academic achievement. *Frontiers in psychology, 10*, 1471.
- Gase, L. N., DeFosset, A., Perry, R., & Kuo, T. (2016). Youths' perspectives on the reasons underlying school truancy and opportunities to improve school attendance. *The Qualitative Report, 21*(2), 299.
- Gaydosh, L. (2017). Beyond Orphanhood: Parental nonresidence and child well-being in Tanzania. *Journal of Marriage and Family, 79*(5), 1369-1387.
- Gennetian, L. A., Rodrigues, C., Hill, H. D., & Morris, P. A. (2018). Stability of income and school attendance among NYC students of low-income families. *Economics of Education Review, 63*, 20-30.
- González, C., Inglés, C. J., Kearney, C. A., Sanmartín, R., Vicent, M., & García-Fernández, J. M. (2019). Relationship between school refusal behavior and social functioning: a cluster analysis approach.
- Gottfredson, M. R. (2017). The empirical status of control theory in criminology. In *Taking stock* (pp. 77-100). Routledge.
- Gubbins, V., & Otero, G. (2020). Determinants of parental involvement in primary school: evidence from Chile. *Educational Review, 72*(2), 137-156.
- Hagborg, J. M., Berglund, K., & Fahlke, C. (2018). Evidence for a relationship between child maltreatment and absenteeism among high-school students in Sweden. *Child abuse & neglect, 75*, 41-49.
- Halim, N. A. A., Sham, F. M., & Abdullah, M. H. (2017). Pendekatan Motivasi dalam Menangani Tingkah Laku Remaja Berisiko. *Fikiran Masyarakat, 5*(1), 29-33.
- Hampden-Thompson, G., & Galindo, C. (2017). School–family relationships, school satisfaction and the academic achievement of young people. *Educational Review, 69*(2), 248-265.
- Hancock, K. J., Lawrence, D., Shepherd, C. C., Mitrou, F., & Zubrick, S. R. (2017). Associations between school absence and academic achievement: Do socioeconomics matter?. *British Educational Research Journal, 43*(3), 415-440.

- Harman, J. J., Kruk, E., & Hines, D. A. (2018). Parental alienating behaviors: An unacknowledged form of family violence. *Psychological bulletin*, *144*(12), 1275.
- Hasnan, H.A. (2018, Mac 21). *Ponteng sekolah catat rekod tertinggi salah laku disiplin 2017*.<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ponteng-sekolah-catat-rekod-tertinggi-salah-laku-disiplin-2017-171057>
- Heyne, D., Gren-Landell, M., Melvin, G., & Gentle-Genitty, C. (2019). Differentiation between school attendance problems: Why and how?. *Cognitive and Behavioral Practice*, *26*(1), 8-34.
- Hirschi, T. (2017). On the compatibility of rational choice and social control theories of crime. In *The reasoning criminal* (pp. 105-118). Routledge.
- Hood, H. S. (2016). *Penglibatan ibubapa sebagai pengurus komite sekolah terhadap kualiti pendidikan* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Hotz, V. J., Wiemers, E. E., Rasmussen, J., & Koegel, K. M. (2018). *The role of parental wealth and income in financing children's college attendance and its consequences* (No. w25144). National Bureau of Economic Research.
- Ishak, Z. A., Bistamam, M. N., & Saper, M. N. (2017). Tahap Salah Laku Disiplin Pelajar Sekolah-Sekolah Negeri Kedah.
- Ishak, Z., & Fin, L. S. (2015). Factors contributing to truancy among students: A correlation between predictors. *Journal of Education, Society and Behavioural Science*, 32-39.
- Ismail, N., & Jusoh, A. J. (2016). Truancy Among Students At A Secondary School In Malaysia Based On Choice Theory.
- Jafarov, J. (2015). Factors affecting parental involvement in education: The analysis of literature.
- Jusoh, A. J. (2016). Truancy Among Students At A Secondary School In Malaysia Based On Choice Theory. *International Journal of Choice Theory® and Reality Therapy*, *36*(1), 104.
- Kalam, H. B. B. A. (2016). Pengaruh Persekitaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Disiplin Murid Sekolah Rendah Di Klang, Selangor, Malaysia.
- Kearney, C., & Albano, A.M. (2007). *When children refuse school: A cognitive-behavioral therapy approach* (2nd Ed.). New York: Oxford University Press.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1995). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1995: Menangani Masalah Ponteng Di Sekolah*. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/2075-surat-pekeliling-ikhtisas-bilangan-6-tahun-1995-menangani-masalah-ponteng-di-sekolah/file>
- Laporan Tahunan., (2018). *Bahagian Pengurusan Sekolah Harian*. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/laporan-dan-statistik/2615-laporan-tahunan-2018-bpsh/file>
- Lauger, T. R. (2018). Gang violence. *The Routledge International Handbook of Violence Studies*, 342-350.
- Lubis, M. A., Hassan, W. N. S. W., & Hamzah, M. I. (2017). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru-guru Pendidikan Islam sekolah menengah di Selangor terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran Pendidikan Islam. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 1(1), 1-13.
- Magwa, S., & Mugari, S. (2017). Factors affecting parental involvement in the schooling of children. *International Journal of Academic Research and Reflection*, 5(1), 74-81.
- Matage, J. M., & Begi, N. (2017). Socioeconomic And School Factors Causing Pupils' absenteeism In Lower Primary Schools In Masaba Sub-County, Kenya. *European Journal of Education Studies*.
- Mazerolle, L., Bennett, S., Antrobus, E., Cardwell, S. M., Eggins, E., & Piquero, A. R. (2019). Disrupting the pathway from truancy to delinquency: a randomized field trial test of the longitudinal impact of a school engagement program. *Journal of Quantitative Criminology*, 35(4), 663-689.
- McCord, J., & Conway, K. P. (2018). Patterns of juvenile delinquency and co-offending. In *Crime and social organization* (pp. 33-48). Routledge.
- McNeely, C. A., Lee, W. F., Rosenbaum, J. E., Alemu, B., & Renner, L. M. (2019). Long-Term Effects of Truancy Diversion on School Attendance: a Quasi-Experimental Study with Linked Administrative Data. *Prevention Science*, 20(7), 996-1008.
- Munje, P. N., & Mncube, V. (2018). The lack of parent involvement as hindrance in selected public primary schools in South Africa: The voices of educators. *Perspectives in Education*, 36(1), 80-93.

- Murnane, R. J., & Reardon, S. F. (2018). Long-term trends in private school enrollments by family income. *AERA Open*, 4(1), 2332858417751355.
- Nawawi, A. M., Mohd, A., Saad, N. M., Baharuddin, J., & Ismail, S. N. (2017). Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan tahap ponteng sekolah menengah di Daerah Bachok, Kelantan.
- Nayak, A., Sangoi, B., & Nachane, H. (2018). School refusal behavior in Indian children: analysis of clinical profile, psychopathology and development of a best-fit risk assessment model. *The Indian Journal of Pediatrics*, 85(12), 1073-1078.
- Nomaguchi, K., & Johnson, W. (2016). Parenting stress among low-income and working-class fathers: The role of employment. *Journal of Family Issues*, 37(11), 1535-1557.
- Nursalim, M., Hidayah, N., Atmoko, A., & Radjah, C. L. (2018). Pattern of School Refusal Behavior on Students; Background, Triggers, Family Profile and Treatment. *European Journal of Education Studies*.
- Ocak, G., Ocak, İ., & Baysal, E. A. (2017). The causes of absenteeism of high school students. *European Journal of Education Studies*.
- Olszewski-Kubilius, P., & Corwith, S. (2018). Poverty, academic achievement, and giftedness: A literature review. *Gifted Child Quarterly*, 62(1), 37-55.
- Osman, S., & Saini, K. M. (2019). Analisis Trend Indeks Harga dan Taburan Jenis Perumahan Mengikut Kelas Sosioekonomi di Kuala Lumpur (Trend Analysis of Prices Index and Distribution Types of Housing Based on Socioeconomic Classes in the Kuala Lumpur). *Akademika*, 89(2).
- Ramberg, J., Brolin Låftman, S., Fransson, E., & Modin, B. (2019). School effectiveness and truancy: a multilevel study of upper secondary schools in Stockholm. *International Journal of Adolescence and Youth*, 24(2), 185-198.
- Rashid, S. M. R. A., & Samat, N. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di jajahan Bachok, Kelantan (Family poverty and its influence on rural community low education: Case study in Bachok District, Kelantan). *e-Bangi*, 15(2).
- Reissner, V., Knollmann, M., Spie, S., Jost, D., Neumann, A., & Hebebrand, J. (2019). Modular treatment for children and adolescents with problematic school

- absenteeism: development and description of a program in Germany. *Cognitive and Behavioral Practice*, 26(1), 63-74.
- Sarji, Z. M., Sulaiman, Z., Tejeri, M. N. M., & Bakar, H. A. (2017). Perbandingan Kaedah Pengumpulan Data Kehadiran Pelajar Menggunakan Yahoo-Group & Yahoo-Email. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 8.
- Seidu, A. A., Ahinkorah, B. O., Darteh, E. K. M., Dadzie, L. K., Dickson, K. S., & Amu, H. (2019). Kelaziman dan korelasi kes ponteng dalam kalangan remaja di sekolah di Ghana: bukti dari Suruhanjaya Kesihatan Pelajar berasaskan Sekolah Global 2012.
- Seidu, A. A., Dadzie, L. K., & Ahinkorah, B. O. (2019). Is hunger associated with truancy among in-school adolescents in Tanzania? Evidence from the 2015 Global School-based Health Survey. *Journal of Public Health*, 1-7.
- Shong, T. S., Abu Bakar, S. H., & Islam, M. R. (2019). Poverty and delinquency: A qualitative study on selected juvenile offenders in Malaysia. *International social work*, 62(2), 965-979.
- Siwar C., Ismail M.K., Alias N.A. & Zahari S.Z., (2019). *Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40 Peratus Terendah (B40) Di Malaysia: Mengenal Pasti Trend, Ciri, Isu Dan Cabaran*. Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia
- Stempel, H., Cox-Martin, M., Bronsert, M., Dickinson, L. M., & Allison, M. A. (2017). Chronic school absenteeism and the role of adverse childhood experiences. *Academic pediatrics*, 17(8), 837-843.
- Suleman, Q., Hussain, I., & Kayani, A. I. (2017). Faktor-Faktor Yang Menimbulkan Gejala Ponteng Di kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Daerah Karak, Pakistan.
- Tai, S. S., & Ah, S. H. A. B. (2017). The untold truancy stories: a case study in Malaysia.
- Wulandari, D. (2018). Hubungan gaya asuhan ibu bapa terhadap gejala ponteng sekolah menengah atas di bandar Malang Indonesia (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- Yahaya, A., Hashim, S., Boon, Y., & Chan, H. L. (2007). Faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng di kalangan pelajar sekolah menengah Johor. *Diperolehi daripada [http:// eprints. utm. my/3961/ 2MziziYahaya _ponteng. pdf](http://eprints.utm.my/3961/2MziziYahaya_ponteng.pdf)*.

- Yang, K. E., & Ham, S. H. (2017). Truancy as systemic discrimination: Anti-discrimination legislation and its effect on school attendance among immigrant children. *The Social Science Journal*, 54(2), 216-226.
- Yoep, N., Tupang, L., Jai, A. N., Kuay, L. K., Paiwai, F., & Nor, N. S. M. (2016). Prevalence of truancy and its associated factors among school-going malaysian adolescents: data from global school-based health survey 2012.